

28 NOV 2000

Mahathir-Lunas

PENGGUNAAN ISU AGAMA, PERKAUMAN AMAT BAHAYA, KATA MAHATHIR

PUTRAJAYA, 28 Nov (bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata penggunaan isu agama dan perkauman bagi mendapatkan sokongan dalam sesuatu pilihan raya merupakan perbuatan yang amat berbahaya.

Perdana Menteri berkata: "Ini kerana sekali perasaan perkauman menjadi tebal, maka rusuhan (kaum) tetap akan berlaku seperti pada 1969.

"Ada pihak yang berkata kita tak harus sebut mengenainya. Hakikatnya ialah, kita perlu memperingati diri kita tentang peristiwa itu kerana kalau kita lupa, kita akan sekali lagi membuat kenyataan dan tuduhan berbau perkauman."

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita di pejabatnya di sini dalam amanatnya menjelang hari pengundian bagi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Kedah, kawasan Lunas, esok.

Pihak pembangkang dalam kempennya di Lunas didakwa menggunakan isu perkauman dan agama termasuk cerita berlakunya masalah murtad di kalangan orang Melayu untuk tujuan meraih sokongan kepada calon mereka.

Selain itu, gambar-gambar calon Barisan Nasional (BN) S.Anthonysamy yang diubahsuai bagi menunjukkan beliau berpakaian seperti paderi Kristian, turut diedarkan di Lunas.

"Harapan saya ialah pengundi di Lunas tidak mempercayai cerita-cerita yang sengaja diada-adakan kerana ingin menarik sokongan kepada pihak-pihak tertentu, contohnya orang Islam telah dikristiankan. Ini adalah sesuatu yang amat bahaya," katanya.

Perdana Menteri berkata Malaysia sebagai sebuah negara berbilang kaum dan agama ialah sebuah tempat yang aman, selamat dan dapat dibangunkan dengan baik dan keadaan ini jarang berlaku di negara-negara yang mempunyai masyarakat majmuk di dunia.

"Oleh kerana kita berjaya mengamankan negara kita dan mengadakan hubungan yang baik antara kaum, ini mendatangkan banyak faedah kepada kita. Dan saya harap semua rakyat akan menolong mengekalkan keadaan ini," katanya.

Dr Mahathir berkata tuduhan berbau perkauman boleh menyebabkan tindak balas daripada golongan yang menjadi mangsa tuduhan itu dan ia boleh menjurus kepada keadaan tegang sehingga menyukarkan pelaksanaan pembangunan negara.

Katanya, agama amat mempengaruhi kehidupan masyarakat di Malaysia dan sebarang cubaan menyentuhnya akan membangkitkan reaksi yang amat keras.

"Sebab itulah agama tidak harus digunakan untuk menarik sokongan. Cerita-cerita ada orang cuba memurtadkan orang Islam dan dengan itu mereka ini harus ditentang habis-habisan bahkan harus dibunuh, ini semua akan membawa kepada keadaan seperti di sesetengah negara yang mana orang Islam dan bukan Islam berperang tak henti-henti," katanya.

Di Malaysia, Dr Mahathir berkata sebarang masalah agama yang timbul diselesaikan tanpa perlu menggunakan keganasan.

"Saya harap janganlah ada sesiapa yang memainkan isu agama khususnya berkenaan Kristian dan Islam seperti yang ternampak di Lunas. Jika ini berlaku, sudah tentu hubungan antara penganut agama yang berlainan akan menjadi tegang... dan dengan itu negara tidak dapat dibangunkan," katanya.

Perdana Menteri berharap para pengundi di Lunas keluar beramai-ramai menunaikan tanggungjawab mereka esok tanpa perlu bimbang tentang keselamatan mereka.

Ini kerana polis telah diberi arahan untuk menjaga keamanan dan

memastikan tidak ada sesiapa menghalang mereka daripada keluar mengundi.

Beliau mengingatkan semua pihak termasuk parti pemerintah dan pembangkang supaya mematuhi segala peraturan pilihan raya bagi mengelakkan sebarang tuduhan termasuk pilih kasih.

Pilihan raya kecil itu menyaksikan pertarungan tiga penjurong antara Anthonysamy, calon Parti Keadilan Nasional Saifuddin Nasution Ismail dan calon bebas, N. Letchumanan.

Mengenai tindakan parti pembangkang yang dikatakan menggunakan taktik kotor ala samseng semasa berkempen, Dr Mahathir berkata perlu ada kesanggupan pihak yang bertanggungjawab untuk mengambil tindakan keras terhadap golongan yang berlagak samseng.

Katanya kehadiran pemberita asing di Lunas juga menyebabkan pembangkang berani bertindak liar terhadap polis tetapi tidak diambil tindakan kerana pihak media asing sudah pasti menggambarkan tindakan polis itu sebagai kejam dan sebaliknya tidak melaporkan tentang tindakan ganas parti lawan.

Menjawab satu soalan lain, beliau berkata sebilangan besar pengundi di Lunas menerima penjelasan jentera pilihan raya BN berhubung isu yang dimainkan oleh pembangkang.

Katanya konsep kerjasama seperti yang menjadi amalan BN sebenarnya tidak wujud antara parti pembangkang kerana bagi mereka ia hanyalah satu peluang meraih sokongan semasa pilihan raya.

Mengenai konsep Sekolah Wawasan yang turut dijadikan isu pembangkang di Lunas, Dr Mahathir berkata ia bertujuan memupuk perpaduan dan perasaan muhibah di kalangan rakyat sejak dari kecil lagi.

Katanya: "Anak-anak kita daripada pelbagai keturunan mestilah berpeluang bercampur sejak kecil kerana dunia sebenarnya ialah majmuk. Kalau mereka tidak kenal dan tidak tahu bergaul sesama mereka, apabila mereka besar, mereka akan menghadapi masalah menyesuaikan diri dengan keadaan dalam masyarakat majmuk.

"Itu sahaja yang kita hendak buat, bukan kita hendak tukar agama mereka atau menghentikan pengajaran dalam bahasa mereka. Ini semua sengaja diada-adakan... tidak benar sama sekali."

-- BERNAMA

HS MAM AHH NMO